

Pendekatan Konsep Tabayyun dalam Isu Falak Kontemporari

BITARAVolume 1, Issue 2, 2018: 036-043
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Tabayyun (Verification) Conceptual Approach to Contemporary Falaq (Astronomical) Issues]

Roslan Umar,¹ Syed Mohd Hafiz Syed Omar,¹ Nor Hazmin Sabri²
& Nur Athirah Ahmad Fashil @ Ahmad Fazil¹

Abstrak

Saban hari berita palsu berkaitan dengan isu-isu falak kontemporari semakin berleluasa dan tersebar meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia. Jesteru itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti konsep tabayyun dalam al-Quran dan menyelidik konsep tabbayun yang dipraktikkan oleh iman Shafi'i untuk diaplikasikan dalam menangani isu-isu ini. Islam telah lama menyarankan kaedah tabayyun sebagai panduan apabila menerima sebarang berita seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6. Para ulama Islam menggunakan pendekatan tabayyun dalam setiap bidang ilmu sama ada dalam pembelajaran, pengajaran atau penulisan. Imam Shafi'i merupakan seorang ulama yang tersohor dan sangat menekankan penelitian dalam bidang hadis sehingga beliau digelar sebagai Penolong Sunnah '*Nashir al-Sunnah*' atau pembela sunnah '*Multazim al-Sunnah*'. Imam Shafi'i telah meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam menerima perawi khabar Ahad bagi menjaga dan mengelak sebarang penyelewengan dalam hadis nabi Muhammad SAW. Artikel ini hanya akan mencadangkan konsep tabayyun berdasarkan al-Quran dan pendekatan tabayyun oleh imam Shafi'i dalam penerimaan *khbar ahad* sebagai satu alternatif bagi menyelesaikan isu-isu ini.

Kata Kunci

Tabayyun, *khbar ahad*, berita palsu, falak.

Abstract

Every day, false news about contemporary *falaq* (astronomical) issues is becoming more and more common among Malaysians. The purpose of this article is therefore to define the concept of *tabayyun* (verification) in the Quran and to examine the concept of *tabbayun* (verification) practised by the Shafi'i faith to be applied in addressing these matters. Islam has long suggested the method of *tabayyun* (verification) as a guide when receiving any news such as the word of Allah SWT in surah al-Hujurat verse 6. Islamic scholars apply *tabayyun* (verification) concept in every field of knowledge whether in learning, teaching or writing. Imam Shafi'i was a well-known scholar and had been pushing for detailed research in the area of hadith until he was called the Sunnah Assistant ('*Nashir al-Sunnah*') or the Sunnah Defender ('*Multazim al-Sunnah*'). Imam Shafi'i has set strict rules in accepting the Ahad Hadith narrator and to avoid any deviation in the hadith of the prophet Muhammad SAW. This article will only suggest the concept of *tabayyun* (verification) based on the Quran and the tabayyun approach by the Shafi'i cleric in receiving Ahad hadith as an alternative to address these issues.

Keywords

Tabayyun, *Khbar Ahad*, fake news, astronomy.

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

² Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

Corresponding Author:

ROSLAN UMAR, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.
roslan@unisza.edu.my

Cite This Article:

Roslan Umar, Syed Mohd Hafiz Syed Omar, Nor Hazmin Sabri & Nur Athirah Ahmad Fashil @ Ahmad Fazil. 2018. Pendekatan konsep tabayyun dalam isu falak kontemporari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 036-043.

Pengenalan

Tabayyun merupakan aspek utama yang perlu diterapkan dan disemai dalam diri setiap individu, masyarakat dan negara. Kemudahan teknologi yang serba canggih telah menyebabkan segala maklumat mudah diterima tanpa sebarang halangan dengan cepat dan pantas. Namun begitu penyebaran maklumat tanpa pengawalan ini mendatangkan impak negatif yang memberi kesan terhadap lambakkan maklumat dan berita palsu dalam media sosial. Budaya *copy and paste* dalam media sosial menyebabkan gejala ini rumit untuk dibanteras kecuali dengan kesedaran setiap individu itu sendiri. Kekangan ini semakin merisaukan apabila perkembangan drastik terhadap aplikasi media sosial seperti *WhatsApp, Telegram, Line, Facebook, Twiter* dan *Instagram* yang bukan sekadar mampu menyebarkan mesej malahan gambar, video, rakaman dan juga dokumen palsu.

Definisi *Tabayyun*

S. Askar (2010) dalam kamus *al-Azhar*, *tabayyun* berasal dari perkataan *bana* (بَانَ), *yabinu* (يَبِينُ), *bayyanan* (بَيَّانًا), *tabyana* (تَبَيَّنًا), *tibyanaan* (تَبَيَّنًا) yang membawa maksud menjadi jelas. Dalam tafsir al-Tabari, *fatabayyanu* juga membawa maksud ‘maka periksalah dengan teliti’. Maka ahli qiraat berbeza pendapat dalam membaca firman Allah SWT pada perkataan *fatabayyanu*. Ahli qiraat Madinah umumnya membaca *fatatsabbatuu*, dengan huruf *tha*’ seperti mana yang termaktub dalam mashaf Abdullah. Manakala sebahagian ahli qiraat lain membacanya dengan *fayatabayyanu* dengan huruf *ya*’ yang membawa maksud tunggu sehingga kalian tahu kebenaran dan jangan terburu-buru menerimanya (Ath-Thabari 2009).

Berdasarkan Tafsir Qurtubi (قُرْتُبِي) di ambil daripada perkataan al-Tathabut. Manakala yang lain, mereka membacanya dengan *fatabayyanu* yang diambil dari kata al-Tabyiin (Imam al-Qurtubi 2009). Selain itu, *fatabayyanuu* juga membawa maksud periksalah sebelum kalian berbicara atau berbuat atau mengambil keputusan (al-Jaza’iri 2009). Perkataan (بَيَّنَ) membawa maksud sinonim dengan perkataan (أَظْهَرَ) dan (أَوْضَحَ) bermaksud menjelas serta menerangkan (Abd. Rauf et al. 2011; Mohd Khairi, Mohd Nazri & Mohd Fuad 2010; al-Habshi 1989).

Hukum *Tabayyun*

Kewajipan *Tabayyun* (menyemak sesuatu berita) sebelum menyebarkannya atau mempercayainya menjadi satu kemestian bagi setiap individu muslim. Pade era teknologi kini, segala maklumat dan berita dapat diketahui melalui jaringan internet tetapi kredibiliti berita tersebut masih perlu dipertikaikan terutama maklumat yang diperoleh daripada media sosial. Islam sangat mengutamakan *tabayyun* dalam kehidupan. Maka kewajipan *tabayyun* ini jelas dinyatakan dalam al-Quran pada surah al-Hujurat (49:6). Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Ayat ini merupakan dalil bagi kewajiban dalam memastikan setiap berita yang dibawa itu diselidik (*tabayyun*) terlebih dahulu kebenarannya. Hal ini adalah sebagai langkah berhati-hati dan menghalang daripada menganiayai orang lain dengan tuduhan yang salah atau menyebarkan berita yang palsu dan mengelak daripada melakukan kesilapan yang membawa kemudaratan terhadap orang lain serta mendatangkan kebinasaan kepada diri sendiri (Mohd Asri 2012).

Kepentingan *Tabayyun*

Tabayyun sangat penting dan mempunyai banyak faedah yang boleh diperoleh dengan mengamalkannya dalam kehidupan. Malahan Allah telah melarang sekeras-kerasnya agar tidak mengikuti sesuatu yang tidak diketahui. Berdasarkan takwil ayat surah al-Isra' kita dilarang mengatakan perkara yang tidak diketahui, perkara yang tidak mempunyai pengetahuan tentangnya dan menuduh seseorang dengan sesuatu yang tidak diketahui (al-Tabari 2009,). Firman Allah SWT (Surah al-Isra' 17:36):

Bermaksud: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”

Berdasarkan tafsir *al-Aysar*, Allah SWT juga telah memberi peringatan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan sentiasa diperhatikan oleh malaikat yang ditugaskan mencatat segala amalan baik dan buruk (al-Jaza'iri 2009). Firman Allah SWT (Surah al-Qaf 50: 18): Bermaksud: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).

Ayat ini menerangkan bahawa tiada perkataan yang diucap oleh manusia melainkan di sisinya ada dua malaikat yang selalu mengawasinya dan menjaganya. Malaikat tersebut tidak pernah berpisah dari manusia yang dipertanggungjawabkan sepanjang hidup manusia tersebut. Mereka melaksanakan tugas secara berpasangan dan saling bergantian iaitu dua malaikat di waktu siang dan dua malaikat di waktu malam. Malaikat tersebut akan berkumpul pada solat subuh dan solat asar (al-Jaza'iri 2009).

Antara kepentingan *tabayyun* yang dapat disimpulkan ialah:

1. Mengelak daripada mengikuti sesuatu berita atau informasi secara melulu.
2. Mencegah daripada menyebarkan berita yang tidak diketahui.
3. Mencegah daripada melakukan sesuatu perkara di luar pengetahuan atau kepakaran.
4. Mengelak daripada membuat tuduhan secara tohmahan.

5. Menggalakkan supaya berhati-hati dalam setiap tingkah laku.
6. Menegaskan bahawa setiap perbuatan akan dicatat dan dihitung di akhirat kelak.

Tabayyun Imam Shafi'i

Nama sebenar Imam Shafi'i ialah Muhammad ibn Idris dan beliau digelar sebagai Abu 'Abd Allah. Beliau dilahirkan di Gazza terletak pada bahagian selatan daripada Palestin. Beliau dilahirkan pada tahun 150H iaitu pada pertengahan abad yang ke dua hijrah. Keluarga beliau merupakan keturunan yang mulia kerana memiliki salasilah keluarga senenek moyang dengan Nabi Muhammad SAW (Sarajudin 1979). Imam Shafi'i merupakan ulama fikah teragung dan memiliki minda yang mantap dalam pelbagai bidang ilmu. Penelitian dan ketelitian beliau dalam setiap bidang yang diceburinya sangat terperinci. Kepakaran dan ketelitian beliau dalam bidang hadis mendapat pengiktirafan oleh ulama-ulama termasyhur seperti Imam al-Nawawi yang mengatakan bahawa bukti Imam Shafi'i sebagai pakar hadis adalah kegigihannya dalam menjaga hadis. Kegigihan beliau dapat dilihat apabila Imam Shafi'i mengkodifikasikan hadis agar dapat dijadikan dalil dengan cara meneliti hadis dan mengupas makna-makna hadis secara terperinci (al-Ghazali 2009).

Penerimaan *Khabar Ahad* Imam Shafi'i

Khabar Ahad dari segi bahasa bermaksud satu. Manakala *khabar al-wahid* bererti hadis yang diriwayatkan oleh satu orang. Maka Khabar Ahad menurut istilah adalah hadis yang belum memenuhi syarat-syarat *mutawatir* (al-Qahtan 2013). Penerimaan riwayat yang bersifat 'Ahad' ini telah wujud sejak daripada zaman Rasulullah s.a.w dalam kalangan para sahabat. Namun begitu, Rasulullah s.a.w tidak membantah atau menegur perbuatan tersebut. Malahan baginda sendiri pernah menghantar seorang sahaja untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan hukum dan tidak pernah ditolak atas alasan bahawa utusan itu tidak mencapai tahap *Mutawatir* atau *Mashhur*. Setelah baginda wafat, amalan menerima Khabar Ahad ini masih diteruskan oleh para sahabat dan sehingga kepada para tabiin (Mahmood Zuhdi 2014).

Imam Shafi'i merupakan seorang pembela Khabar Ahad. Beliau digelar sebagai pembela sunnah '*Nashir al-Sunnah*' atau pembela hadis '*Nashir al-Hadith*'. Khabar Ahad juga dikenali dengan istilah hadis Khusus. Pembelaan beliau terhadap Khabar Ahad dapat dilihat dengan jelas dalam kitab *al-Risalah*, *Jimma' al-'Ilm* dan *Ikhtilaf al-Hadith*. Imam Shafi'i biasanya mengemukakan sesuatu hujah dengan hujah, dalil dengan dalil sama ada bersifat naqli atau sehinggalah terbongkar kebenaran yang sebenarnya (al-Indunisi 2008).

Penerimaan *Khabar Ahad* Imam Shafi'i

Syarat-syarat bagi penerimaan *khabar ahad* ialah:

1. Perawi mestilah seseorang yang memahami dalam urusan agama dan dikenali dengan sifat bercakap benar. Maka tidak diterima hadis daripada individu yang tidak bercakap benar, dan daripada seorang yang meringankan agama.


2. Hendaklah ia faham dan memahami apa yang diceritakan, sekurang-kurangnya boleh mengetahui makna hadis dari satu perkataan ke perkataan yang lain tanpa mengubah makna atau menceritakan hadis sebagaimana yang didengarinya, bukan menceritakan secara maknanya sahaja sedangkan ia tidak mengetahui perubahan makna melalui perkataan tersebut. Menyebabkan kemungkinan tanpa disedari mengubah halal menjadi haram. Sebaiknya diceritakan dengan perkataan asal, agar tidak dikhuatiri berlaku sebarang perubahan pada makna.
3. Hendaklah ia *dabit* (teliti dan tepat) terhadap riwayatnya dan perlulah ia menghafal hadis itu jika diceritakan dari kitabnya.
4. Hendaklah ia mendengar hadis dari orang sebelumnya, jika sebaliknya dikira menipu.
5. Hadis-hadis mestilah tidak bersalahan dengan hadis dalam kalangan ulama hadis mengenai tajuk yang sama (Abu Zahrah 1997; Shafi'i 2008).

Ilmu Falak dan Penyebaran Berita Palsu dalam Media Sosial

Ilmu falak memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam. Hal ini kerana, bidang ilmu ini berkaitan dengan ibadah-ibadah besar umat Islam seperti menentukan awal dan pengakhiran bulan Ramadan, waktu solat, musim haji dan sebagainya. Oleh itu, maklumat yang tepat amat penting dalam menentukan sesuatu ibadah itu sah mengikut apa yang telah disyariatkan dalam agama. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini penyebaran berita palsu berkaitan dengan isu falak semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu ini, memberi kesan yang negatif terhadap individu, masyarakat dan negara. Berita palsu ini telah menyebabkan kekacauan dan ketakutan serta menimbulkan fitnah yang mampu mengganggu gugat ketenteraman awam. Kecanggihan alatan komunikasi dan media sosial telah menjadi medan bagi seseorang untuk menyebarkan berita palsu. Malahan amat merisaukan apabila isu penyebaran maklumat palsu berkaitan falak juga disebarikan tanpa kawalan dalam masyarakat.

Pendekatan *Tabayyun* Berdasarkan Surah al-Hujurat


Pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam isu-isu falak kontemporari berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat.



Rajah 1: Pendekatan *Tabayyun* Berdasarkan Surah al-Hujurat

Pendekatan *Tabayyun* Berdasarkan Syarat-syarat Penerimaan *Khabar Ahad*


Ulama-ulama tersohor Islam telah menggunakan pendekatan *tabayyun* dalam setiap bidang ilmu bagi memastikan setiap sesuatu yang disampaikan tidak terpesong daripada ilmu yang sebenar dan tidak ada tokoh tambah yang mendatangkan fitnah dalam agama. Pendekatan *tabayyun* juga diaplikasikan oleh Imam Shafi'i dalam penerimaan syarat-syarat bagi perawi khabar ahad. Penekanan dalam menerima khabar ahad disemak dengan teliti bagi memastikan kesahihan dan kredibiliti sesebuah hadis yang diterima. Syarat-syarat ini boleh diaplikasikan dalam penerimaan berita berkaitan dengan isu-isu falak kontemporari. Sehubungan dengan itu dapat dicadangkan pendekatan *tabayyun* Imam Syafi'i dalam penerimaan isu-isu falak kontemporari adalah seperti berikut:



Rajah 2: Pendekatan *Tabayyun* Sebelum Menerima Berita

Pendekatan ini boleh diterapkan dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan permasalahan isu-isu falak kontemporari seperti berikut:

1. Apabila menerima berita hendaklah dipastikan bahawa individu yang menyampaikannya adalah individu yang dikenali kejujurannya.
2. Jika tidak diketahui keperibadian individu yang menyebarkan berita tersebut, maka hendaklah diselidiki sahsiahnya terlebih dahulu.
3. Sebelum mempercayai sesuatu berita hendaklah memastikan berita yang diterima tidak terdapat sebarang tokoh tambah yang boleh merosakkan maksud sebenar berita.
4. Selepas menerima berita tersebut hendaklah memastikan bahawa maklumat berita itu tidak bercanggah dengan pandangan pakar.
5. Sebelum menyebarkan berita tersebut perlulah memastikan berita itu adalah benar.



Rajah 3: Aplikasi Syarat Penerimaan *Khabar Ahad* Imam Shafi'i

Ciri-ciri Berita Palsu

Terdapat beberapa ciri yang acap kali digunakan dalam menyebarkan berita palsu. Antara ciri ciri berita palsu adalah seperti berikut:

Jadual 1: Ciri-ciri Berita Palsu

Bil	Ciri-ciri berita palsu
1.	Menggunakan nama badan-badan atau individu yang berautoriti
2.	Mesej yang berangkai
3.	Isu yang berulang kali disebarkan
4.	Mesej diakhiri dengan ajakan kepada kebaikan
5.	Diminta untuk menyebarkan berita kepada rakan-rakan
6.	Mesej disertai dengan link laman web
7.	Tersebar melalui media sosial

Kesimpulan

Isu-isu penyebaran maklumat palsu berkaitan falak dalam media sosial perlulah dibanteras bagi menjaga ketenteraman awam. Pendekatan yang sebetulnya perlulah diterapkan agar mampu menyekat isu-isu yang tidak sewajarnya tersebar dalam media. Penjelasan terhadap sesuatu isu perlulah dikenal pasti autoritinya sebelum mempercayainya. Penelitian yang lebih mendalam perlulah diambil sebelum menyebarkan sesuatu isu dalam media sosial.

Rujukan

- Abd. Rauf Hassan. 2011. *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab: Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1997. *Pengasas dan Pengembangan Mazhab Syafi'i*. Terj. Kassim Mat Salleh. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2009. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Terj. 'Abdul Rosyad Shiddiq. Jakarta: Penerbit Akbar Media.
- al-Habshi, Husin. 1989. *Kamus al-Kautsar Lengkap Arab-Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- al-Indunisi, R. Ahmad Nahrawi Abdus Salam. 2008. *Ensiklopedia Imam Syafi'i*. Terj. Usman Sya'roni. Jakarta: PT Mizan Publika.
- al-Jazai'ri, Abu Bakar Jabir. 2009. *Tafsir al-Quran al-Aisar*. Terj. Fityan Amaliy & Edi Suwanto. Jakarta: Darul Sunnah Press.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2014. *Biografi Agung Imam Syafi'i*. Selangor: Karangraf Sdn Bhd.
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2012. *Fitnah terhadap Sahabat Rasulullah; Merungkai Kontroversi, Menyingkap Realiti*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Mohd Isa. 2010. *Kamus Pelajar*. Seremban: al-Azhar Media Enterprise.
- al-Qahtan, Manna. 2013. *Pengantar Studi Ilmu Hadits*. Terj. Mifdhol Abdurrahman. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari. 2009. *Tafsir al-Qurtubi*. Terj. Akhmad Khatib. Jil. 17. Jakarta: Pustaka Azzam.
- S. Askar (Pnyt.). 2010. *Kamus al-Azhar*. Jakarta: Senayan Publishing.
- Shafi'i, Muhammad ibn Idris. 2008. *al-Risalah*. Tahqiq, Shakir, Ahmad Muhammad. Terj. Misbah. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Sirajuddin Abbas. 1979. *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi'i*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- al-Tabari, Abu Ja'afar Muhammad ibn Jarir. 2009. *Tafsir Ath-Thabari*. Terj. Misbah, Ahsan, Askan, Khairul Anam, Akhmad Affandi. Jil. 23. Jakarta: Pustaka Azzam.